

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/03/2 - 11

LHDNM SIHAT!

Kuala Lumpur, 2 Mac 2019 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) terus menyahut seruan kerajaan dalam membudayakan program berteraskan kesihatan dengan penganjuran Program Fit Hasil 2019 di Taman Rimba Kiara, Taman Tun Dr. Ismail di sini pada hari ini.

Program yang dirasmikan oleh Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM ini merupakan edisi penganjuran kali yang ke-4 sejak ia pertama kali dilancarkan pada tahun 2016 bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Hasil Ke-23 yang telah disambut pada 1 Mac 2019.

Dato' Sri Sabin dalam ucapannya berkata, "program ini merupakan platform warga kerja LHDNM untuk mengamalkan gaya hidup sihat sekaligus dapat merangsang sikap positif dalam menjalankan tugas hakiki seterusnya dapat membantu ekonomi negara menerusi hasil kutipan cukai pendapatan yang merupakan sumber hasil utama negara. LHDNM juga akan terus memperkasa aktiviti berteraskan kesihatan seperti Fit Hasil sebagai medium untuk mengurangkan tekanan kerja para pekerja lantas dapat membentuk fizikal dan mental yang sihat".

Disamping mempromosikan gaya hidup sihat, LHDNM juga membuka kaunter informasi percukaian dan kaunter Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) sebagai manfaat tambahan kepada pengunjung untuk mendapatkan maklumat mengenai hal-ehwal percukaian.

Antara aktiviti sukan yang dianjurkan adalah :

1. Senamrobik
2. Tarian Zumba
3. *Fun Run*
4. *Fun Ground & Telematch*
5. Acara Memanah
6. Acara Bola Sepak Jalanan
7. Acara Bola Jaring
8. Acara Timbang Chapteh

Program ini turut diserikan dengan barisan penyedia makanan *Food Truck* sebagai langkah mendukung aspirasi kerajaan untuk memperkasa perniagaan berkonsepkan *Food Truck*. Program yang bermula seawal jam 7.30 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengah hari ini berjaya mencatatkan kehadiran lebih 1,000 orang pengunjung daripada kalangan warga kerja LHDNM dan juga orang awam.

Turut hadir sama dalam program ini ialah Datuk Noor Azian Abdul Hamid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar), En. Mohammed Noor Ahmad Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Puan. Rozina Shaik Osman Merican, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat, Puan. Amnah Tawil, Pengarah Pejabat Pengarah Negeri Selangor, Encik. Mahat Daud, Pengarah Cawangan Petaling Jaya, pengarah-pengarah jabatan, cawangan, warga kerja LHDNM dan orang awam.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



/LHDNM



/LHDNMofficial



LHDNM



lhdnTube



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 2 Mac 2019



Gambar 1: Ucapan perasmian oleh CEO LHDNM.



/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube



Gambar 2 : Upacara perasmian Program Fit Hasil 2019.



Gambar 3: Sesi bergambar pengurusan tertinggi LHDNM dan warga kerja LHDNM serta orang ramai.



Gambar 4 : Flag-off Program Fit Hasil 2019.



Gambar 5 : Aktiviti Fun Ground & Telematch.





Gambar 6 : CEO LHDNM menyampaikan hadiah kepada peserta orang awam yang menyertai acara *Fun Run*.

